



Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur



Ruj Tuan :
Your Ref :

Ruj. Kami :
Our Ref :

Tarikh : 27 Ogos 2009
Date :

Tuan,

PENUBUHAN MAHKAMAH TINGGI BARU BAHAGIAN DAGANG (NCC) DI KUALA LUMPUR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya diarahkan oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa mulai **1 September 2009**, **2 buah Mahkamah Tinggi baru Bahagian Dagang (NCC)** akan mula beroperasi di Kuala Lumpur. Objektif penubuhan mahkamah baru ini adalah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kehakiman dan memastikan jumlah pelupusan kes-kes di Bahagian Dagang dipertingkatkan dan tempoh masa pelupusan kes-kes dipercepatkan.

3. Kes-kes yang akan didaftarkan di mahkamah tersebut akan melibatkan tuntutan berkaitan perkara-perkara berikut:

i. Admiralti (in rem dan personam)

- a) Bil Muatan
- b) Pengangkutan barangan melalui laut/udara
- c) Perlanggaran di laut
- d) Perkapalan dagang

ii. Urusan Bank

- a) Bil Pertukaran
- b) Bil Jualan
- c) Surat Kredit
- d) Suratcara boleh niaga

iii. Pendaftaran Perniagaan

iv. Akta Syarikat 1965 (Akta 125)

- a) Penggulangan Syarikat
- b) Debentur
- c) Saham dan Syer

v. Kontrak

- a) Agensi

vi. Kewangan

- a) Keesahan Syarikat
- b) Akta Penghutang 1957 (Semakan 1981) Akta 256
- c) Pemfaktoran (Factoring)
- d) Sewa-beli
- e) Pemajakan
- f) Pinjaman Wang

vii. Insurans

viii. Undang-undang Kelautan

ix. Perkongsian

x. Jualan Barangan

4. Urusan pendaftaran akan berpusat di Kaunter Pendaftaran Khas di aras 2, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur. Manakala urusan pembayaran pula dikekalkan di Kaunter Bayaran Mahkamah Tinggi Dagang di aras 1. Kes-kes yang tersebut akan didaftarkan dengan Nombor dan Kod Pendaftaran baru dibahagikan mengikut jenis tuntutan yang difailkan di Bahagian Dagang seperti berikut:

- a) Kod 21NCC - kes-kes Writ Saman melibatkan Kerajaan Malaysia
- b) Kod 22NCC - kes-kes Writ Saman
- c) Kod 24NCC - kes-kes yang difailkan menggunakan Saman Pemula
- d) Kod 25NCC - kes-kes yang difailkan menggunakan Usul Pemula
- e) Kod 26NCC - kes-kes yang difailkan menggunakan Petisyen
- f) Kod 27NCC - kes-kes Admiralti
- g) Kod 28NCC - kes-kes penggulangan syarikat dan likuidasi

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ABU BAKAR BIN KATAR)

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
b.p. Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

Sk

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

YA Dato' Md Raus bin Sharif
Hakim Pengurus Bahagian Dagang
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman, Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Jalan Gersik, Petra Jaya,
Sarawak

Ketua Bahagian Penyelidikan Kehakiman dan Perhubungan Awam
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya